

Utusan Sarawak  
11 May 2017

# Avicennia Capital , Sun Life Malaysia lantik CEO baharu

**KUALA LUMPUR:** Avicennia Capital Sdn Bhd dan Sun Life Malaysia melantik ketua pegawai eksekutif (CEO) mereka yang baharu, berkuat kuasa 1 Mei, 2017.

Dalam kenyataan bersama, Avicennia Capital menamakan Ooi Say Teng sebagai CEO, manakala Sun Life Malaysia melantik Raymond Lew Yung Chow sebagai CEO dan presiden.

Lew turut dilantik sebagai ketua negara, memantau perniagaan insurans Sun Life di Malaysia.

Avicennia Capital mempunyai pelaburan strategik dalam Sun Life Malaysia dan Sun Life Malaysia

Takaful melalui kepentingan sebanyak 49 peratus dalam syarikat ini, dibeli pada April 2013.

Avicennia menyasarkan syarikat insurans utama yang telah mencapai, atau mencecah, kuantiti yang diperlukan dan menunjukkan trajektori pertumbuhan yang mampan dengan pulangan pelaburan yang berpotensi.

Pengerusi Avicennia Capital Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda menyifatkan Ooi sebagai amat sesuai bagi Avicennia Capital, yang mempunyai pengalaman selama lebih 30 tahun dalam industri insurans. - Bernama